

PERANAN IBADAH SOLAT DALAM MEMBENTUK TINGKAH LAKU DAN KEPIMPINAN DIRI YANG EFEKTIF DALAM KALANGAN REMAJA DI MALAYSIA

Tengku Nursyahzanani Anis Tengku Jamil, Zawawi bin Yusoff

Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, Gong Badak, 21300 Kuala Nerus,
Terengganu, Malaysia
Email : zawawi@unisza.edu.my

Abstrak

Solat merupakan rukun Islam yang kedua selepas mengucap dua kalimah syahadah yang wajib dilaksanakan oleh setiap umat Islam. Ibadah solat adalah bentuk komunikasi antara seorang hamba dengan Penciptanya. Tujuan kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti pengetahuan, pengamalan solat, mengenal pasti kesan ibadah solat terhadap tingkah laku dan kepimpinan serta menganalisis hubungan ibadah solat dengan tingkah laku dan kepimpinan diri pelajar sekolah menengah kebangsaan Tok Dor. Kajian ini menggunakan reka bentuk tinjauan dan teknik persampelan rawak mudah. Responden kajian terdiri daripada 175 murid tingkatan satu hingga tiga sekolah menengah kebangsaan Tok Dor di daerah Besut, Terengganu. Instrumen kajian yang digunakan adalah soal selidik. Manakala data yang dikumpulkan dianalisis menggunakan metode deskriptif untuk menerangkan data dan metode inferensi untuk melihat hubungan antara pemboleh ubah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap pengetahuan dan pengamalan solat fardhu dalam kalangan pelajar adalah tinggi. Selain itu, analisis mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan, pengamalan solat dengan kesan ibadah solat terhadap tingkah laku dan kepimpinan diri. Oleh itu, kajian ini mencadangkan agar pihak sekolah dan ibu bapa meneruskan serta memperkasa program keagamaan bagi mengekalkan dan meningkatkan pengetahuan dan pengamalan solat dalam kalangan pelajar, dengan harapan dapat melahirkan pelajar yang berakhlak mulia, berdisiplin, bertanggungjawab dan mampu membuat keputusan yang bijak serta mampu menetapkan matlamat dan berusaha mencapainya dengan penuh ketekunan.

Keywords: *Solat, Pengetahuan, Pengamalan, Kepimpinan diri, Pelajar, Kesan terhadap tingkah laku dan kepimpinan diri*

PENDAHULUAN

Menurut Alawi al Maliki Islam adalah agama yang komprehensif yang mencakup seluruh aspek kehidupan manusia, serta merupakan penghubung antara hamba dan Penciptanya. Solat adalah ibadah yang agung dalam Islam, dengan kemuliaan pensyariatannya melalui peristiwa Israk dan Mikraj, di

mana Rasulullah SAW menerima kewajiban solat secara langsung ketika menghadap Allah SWT di Sidratul Muntaha. Mohd Yunus menegaskan bahawa solat adalah segmen penting dalam agama yang wajib diketahui oleh setiap Muslim. Setiap Muslim tidak boleh mendakwa dirinya tidak mengetahui tentang kewajiban solat. Solat diibaratkan sebagai tiang agama, menjadi kunci menuju kebahagiaan di syurga bagi orang-orang beriman dan akan menjadi amalan pertama yang dihitung pada hari akhirat.

Statistik penglibatan dan tangkapan juvana dalam jenayah indeks bagi setiap negeri di Malaysia atas kesalahan pelbagai seperti bunuh, rogol, samun dan sebagainya. Statistik tersebut merujuk jadual 1 berkaitan salah laku belia dari tahun 2020 hingga 2022.

Tabel 1. Statistik Penglibatan dan Tangkapan Juvana dalam Jenayah Indeks bagi Tahun 2020-2022.

Negeri	2020	2021	2022
Johor	269	169	199
Kedah	145	98	141
Kelantan	124	62	83
Kuala Lumpur	146	54	58
Melaka	61	38	44
Negeri Sembilan	118	70	95
Pahang	152	86	101
Perak	158	119	148
Perlis	41	34	42
Pulau Pinang	82	77	107
Sabah	114	72	102
Sarawak	219	140	132
Selangor	428	253	332
Johor	88	39	72
Jumlah	2,145	1,311	1,656

Sumber: Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Tangkapan membabitkan pelajar sekolah dalam indeks jenayah di keseluruhan negeri bagi tahun 2020 sebanyak 2,145 kes, bagi tahun 2021 mencatatkan 1,311 kes. Manakala 2022 mencatatkan 1,656 kes. Jumlah kes yang paling tinggi pada tahun 2020 hingga 2022 ialah kes rogol iaitu sebanyak 198, bagi tahun 2021 pula, sebanyak 155. Manakala bagi tahun 2022, sebanyak 257. Mangsa dan pelaku jenayah dalam kalangan remaja berusia lingkungan umur 13 hingga 17 tahun. Hal ini dapat dilihat bahawa, tangkapan-tangkapan salah laku jenayah dalam kalangan remaja saban tahun adalah tinggi dan membimbangkan.

Menurut Sabiq solat adalah rukun Islam kedua selepas mengucap dua kalimah syahadah, yang wajib dilaksanakan oleh setiap umat Islam. Ibadah solat merupakan bentuk komunikasi antara seorang hamba

dengan Penciptanya. Yaacob & Syed Omar menjelaskan pelaksanaan solat yang sempurna juga berpotensi mempengaruhi kehidupan dan pengurusan hidup seorang mukmin menjadi lebih positif, berperancangan dan berkualiti. Ini sesuai dengan firman Allah SWT dalam surah Al-Ankabut (29:45) yang bermaksud "Sesungguhnya solat itu mencegah dari perbuatan keji dan mungkar." Ayat ini menjelaskan bahawa solat yang sempurna dapat menjadi benteng kepada segala bentuk maksiat, kejahatan dan kemungkaran.

Pengabaian solat fardhu akan menimbulkan masalah yang lebih serius dan masalah disiplin yang tidak pernah selesai dalam kalangan murid. Ayat ini menjelaskan bahawa solat berperanan penting dalam menahan diri daripada melakukan perkara-perkara yang tidak bermoral dan dosa. Ini adalah elemen kepimpinan diri, di mana individu yang mengerjakan solat dengan khusyuk akan membentuk kawalan diri, disiplin dan etika yang baik. Pembangunan sesebuah negara akan terjejas sekiranya akhlak murid merosot. Oleh yang demikian, kajian ini amat signifikan dalam membentuk perilaku seorang Muslim yang beriman.

KAJIAN LITERATUR

Variabel Kinerja

Hubungan antara solat dan akhlak seseorang Muslim adalah amat signifikan, terutama dalam aspek kesedaran, ketakwaan dan kepimpinan diri. Menurut Imam Ibn Kathir & Ibn Omar solat memainkan peranan penting dalam meningkatkan kesedaran dan ketakwaan seseorang terhadap Allah SWT. Dengan melaksanakan solat lima waktu sehari semalam, seorang Muslim sentiasa diingatkan tentang kewujudan dan keagungan Allah SWT, serta tanggungjawab mereka sebagai hamba-Nya. Dalam setiap rakaat solat, bacaan ayat-ayat suci Al-Quran, zikir dan doa menanamkan rasa kehadiran Allah SWT di dalam hati dan fikiran yang seterusnya membentuk disiplin dan keazaman yang tinggi dalam diri. Hal ini menyumbang kepada pembentukan kepimpinan diri, di mana seseorang itu dilatih untuk mengawal diri, mengatur masa dan membuat keputusan yang baik berdasarkan nilai-nilai Islam. Allah berfirman dalam Al-Quran: "Sesungguhnya solat itu mencegah dari perbuatan keji dan mungkar" (Surah Al-Ankabut, 45). Ayat ini jelas menunjukkan bahawa solat bukan sahaja satu bentuk ibadah tetapi juga sebagai perisai untuk mencegah perbuatan yang bertentangan dengan ajaran Islam dan dapat menjaga diri, berdisiplin dan berakhlak baik (Imam al-Tabari).

Selain memainkan peranan dalam meningkatkan kesedaran dan ketakwaan, turut memainkan peranan penting dalam membina kepimpinan diri melalui proses pembersihan jiwa. Menurut Imam al-Ghazali solat adalah waktu yang khusus untuk refleksi diri dan memohon ampun atas dosa-dosa, menjadikannya sebuah proses penting untuk pembersihan jiwa. Proses refleksi ini memberi ruang kepada individu

untuk menilai tindakan mereka, menyadari kelemahan dan kesilapan, serta memupuk keinginan untuk berubah ke arah yang lebih baik. Kepimpinan diri yang berkesan memerlukan individu yang sentiasa muhasabah diri, memperbaiki kelemahan dan menetapkan matlamat untuk menjadi lebih baik dari segi tingkah laku.

Menurut Ibnu Qayyim al-Jawziyyah dalam setiap solat, seorang Muslim menghadap Allah SWT dengan penuh keikhlasan dan kerendahan hati, mengakui kelemahan dan kesalahan yang telah dilakukan. Seorang pemimpin yang baik sentiasa merenung perbuatan mereka, memperbaiki kelemahan dan berusaha untuk menjadi lebih baik setiap hari. Ini adalah sebahagian daripada proses muhasabah diri yang dicapai melalui solat, yang mana individu berhadapan dengan Allah SWT secara langsung, memohon keampunan dan rahmat-Nya.

Rasulullah SAW bersabda: “Solat lima waktu dan Jumaat ke Jumaat adalah penghapus dosa di antara keduanya selagi tidak dilakukan dosa besar.” (Hadis Riwayat Muslim). Hadis ini dapat membantu seseorang Muslim untuk sentiasa berada di landasan yang lurus, mengawal diri daripada terjebak dalam tingkah laku yang negatif. Kepimpinan diri yang berkualiti memerlukan disiplin dan kemampuan untuk mengawal nafsu serta emosi dan solat mengajar seseorang untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT, menahan diri daripada godaan dan seterusnya memperkukuhkan sifat-sifat kepemimpinan seperti kejujuran, keadilan dan tanggungjawab.

Kajian oleh Ibrahim et al. menunjukkan bahawa pelajar institusi pengajian tinggi Islam masih berada pada tahap yang rendah dalam penghayatan dan pelaksanaan solat berjemaah. Penyelidikan ini fokus kepada pelajar KUIS. Oleh itu, kajian ini akan memperluas ruang lingkup dengan meneliti tahap pengetahuan dan pengamalan solat dalam kalangan murid sekolah menengah di Kuala Terengganu serta hubungan ibadah solat dengan akhlak dan kepimpinan diri mereka.

Dalam kajian oleh Nadzri et al. mendapati bahawa masih ramai remaja di Selangor yang mengabaikan solat lima waktu, meskipun mereka bersekolah di aliran agama. Kajian ini lebih tumpu kepada latar belakang pendidikan awal dan faktor yang menyebabkan pengabaian solat. Kajian ini bertujuan untuk meneliti bagaimana pengetahuan dan pengamalan solat mempengaruhi akhlak dan kepimpinan diri pelajar sekolah menengah kebangsaan Tok Dor.

Kajian Hasan Al-Banna menekankan beberapa tindakan sewajarnya perlu diambil sama ada peringkat individu, keluarga, masyarakat atau negara Malaysia sendiri bagi memastikan kepimpinan Islam yang bakal dilahirkan pada masa hadapan mempunyai nilai akhlak dan moral yang tinggi. Penelitian ini lebih fokus pada penekanan akhlak dan moral dalam pembentukan Model Kepimpinan Islam. Kajian ini akan

meneroka tahap pengetahuan dan pengamalan solat serta kesannya terhadap akhlak dan kepimpinan diri pelajar sekolah menengah kebangsaan Tok Dor.

Kajian Ahmad mendapati bahawa walaupun pelajar di Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin memiliki pengetahuan yang baik tentang solat, namun tahap pengamalan mereka masih tidak memuaskan. Kajian ini akan melangkah lebih jauh dengan melihat bagaimana pengetahuan tentang solat mempengaruhi akhlak dan kepimpinan pelajar sekolah menengah kebangsaan Tok Dor.

Menurut Hasna Bidin & Mohd Nazari Khalid pelajar di Kolej Komuniti masih kurang menitikberatkan pelaksanaan solat fardhu lima waktu. Kajian ini lebih menumpukan pada faktor-faktor yang mempengaruhi murid untuk tidak menunaikan solat. Oleh itu, kajian ini akan meneliti hubungan antara ibadah solat dengan akhlak dan kepimpinan diri pelajar sekolah menengah kebangsaan Tok Dor.

Kajian oleh Samad & Hamzah di Sarawak menggariskan kepentingan iman dan tauhid dalam pembentukan akhlak pelajar. Penelitian ini lebih berfokus kepada faktor-faktor yang menyumbang kepada pembentukan sahsiah melalui amalan solat. Oleh itu, kajian ini akan meneliti hubungan antara ibadah solat dengan akhlak dan kepimpinan diri pelajar sekolah.

Menurut Yaakub & Hamzah amalan kepimpinan distributif dalam kalangan pemimpin sekolah amat penting kerana boleh mempengaruhi kepuasan kerja, motivasi, komitmen dan efikasi sendiri guru. Namun, kajiannya berfokus kepada guru-guru. Oleh itu, kajian ini akan melihat kepada peranan ibadah solat dalam membentuk tingkah laku dan kepimpinan yang efektif dalam kalangan pelajar.

Ismail & Ali mendapati bahawa pengaruh rakan sebaya adalah faktor utama yang mendorong pelajar lelaki di IKMAS untuk melaksanakan solat berjemaah. Kajian ini akan mengembangkan kajian tersebut dengan meneliti tahap pengetahuan dan pengamalan solat serta hubungannya dengan akhlak dan kepimpinan diri pelajar sekolah menengah kebangsaan Tok Dor.

Dalam kajian oleh Bakar et al. amalan solat dikaitkan dengan pembentukan sahsiah positif dalam kalangan pelajar IPT. Kajian tersebut tidak meneliti tahap pengetahuan pelajar tentang solat. Oleh itu, kajian ini akan melihat lebih dekat kepada tahap pengetahuan murid tentang solat dan bagaimana ia mempengaruhi akhlak dan kepimpinan diri mereka.

Kajian Hasan et al. menekankan pentingnya solat sebagai benteng terhadap perkara mungkar dan perbuatan negatif. Penelitian ini lebih fokus pada implikasi program amali solat terhadap akhlak pelajar. Kajian ini akan meneroka tahap pengetahuan dan pengamalan solat serta kesannya terhadap akhlak dan kepimpinan diri pelajar sekolah menengah kebangsaan Tok Dor.

Kajian oleh Mansor et al. mendapati tahap penghayatan solat dalam kalangan mahasiswa UiTM Shah Alam kurang memuaskan. Kajiannya lebih melihat kepada tahap penghayatan solat fardhu dan mengenal pasti faktor- faktor yang mempengaruhi mahasiswa untuk menunaikan solat fardhu. Kajian ini bertujuan untuk melihat hubungan antara ibadah solat dengan akhlak serta kepimpinan diri pelajar sekolah menengah di Kuala Terengganu.

Nawi & Ghani mendapati bahawa lebih 50 peratus pelajar Politeknik Hulu Terengganu tidak menunaikan solat lima waktu, walaupun mereka menyedari kewajipan tersebut. Namun, kajiannya lebih meneroka kepada tahap pengetahuan pelajar terhadap kepentingan solat dan faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar menunaikan solat fardhu. Kajian ini akan meneliti kesan ibadah solat terhadap akhlak dan kepimpinan diri pelajar sekolah menengah kebangsaan Tok Dor.

Dalam kajian Nor menjelaskan kepimpinan Islam yang berteraskan kepada konsep tauhid sebenarnya dapat melahirkan dan membangunkan insan dan masyarakat dari segi iman, akhlak, cara berfikir dan pembangunan fizikal. Kajian ini akan mengembangkan kajian tersebut dengan meneliti tahap pengetahuan dan pengamalan solat serta hubungannya dengan akhlak dan kepimpinan diri pelajar sekolah menengah kebangsaan Tok Dor.

Kajian oleh Hamzah et al. mendapati bahawa solat mempunyai banyak kesan terhadap kepimpinan diri, terutamanya pada tahap kepatuhan kepada waktu, ketaatan kepada pemimpin, keupayaan untuk menjadi fokus dan berfokus dan keupayaan untuk sentiasa mengelakkan diri daripada melakukan perkara yang tidak baik. Kajian ini akan mengembangkan kajian tersebut dengan meneliti tahap pengetahuan dan pengamalan solat serta hubungannya dengan akhlak dan kepimpinan diri pelajar sekolah menengah kebangsaan Tok Dor.

METODE

Metodologi kajian merupakan aspek yang sangat penting dalam melaksanakan penyelidikan. Hasil dari kajian juga bergantung pada metodologi yang digunakan dalam kajian. Pengumpulan data dalam kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif yang mana soal selidik digunakan terhadap responden dari kalangan pelajar sekolah menengah sebagai sokongan kajian ini. Kajian kuantitatif adalah kaedah menggunakan statistik serta bersifat numerikal dengan parameter yang boleh diukur Ghazali Darusalam & Sufean Hussin

Reka Bentuk Kajian

Chua menyatakan bahawa penggunaan kajian tinjauan bertujuan untuk mengkaji isu atau masalah secara menyeluruh dan penggunaan sampel yang besar dapat mempercepat pengumpulan data. Maklumat akan terus diperolehi melalui responden yang berkaitan serta dapat menyatakan tentang kajian dan juga populasi secara menyeluruh.

Pengkaji akan menggunakan soal selidik yang mengandungi empat konstruk dalam kajian ini. Konstruk pertama, bahagian demografi diikuti oleh konstruk kedua yang mengukur tahap pengetahuan tentang solat. Konstruk ketiga menilai tahap pengamalan solat fardhu, konstruk keempat melihat tahap akhlak pelajar, manakala konstruk kelima mengenai tahap kepimpinan diri pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Tok Dor. Data akan dikumpulkan melalui kaedah tinjauan dengan mengedarkan borang soal selidik kepada responden. Analisis deskriptif seperti kekerapan, min dan sisihan piawai akan digunakan untuk mendapatkan data dan maklumat yang tepat dan cepat daripada sampel yang diperoleh daripada responden.

Populasi dan Persampelan Kajian

Persampelan adalah berkaitan dengan proses pemilihan sebilangan subjek daripada sesuatu populasi untuk dijadikan sebagai responden kajian ini. Bagi kajian ini, pengkaji telah memilih responden dari kalangan pelajar menengah rendah iaitu tingkatan 1 hingga 3 Sekolah Menengah Kebangsaan Tok Dor untuk dijadikan sampel. Pengkaji telah menggunakan jadual Krejcie & Morgan (1970), untuk melihat saiz sampel yang sesuai daripada populasi. Jumlah populasi adalah seramai 305 orang. Pengkaji memilih 175 orang pelajar sebagai responden daripada 305 orang.

Instrumen Kajian

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah soal selidik secara online sebagai alat untuk mengumpulkan data. Penggunaan instrumen ini biasanya dipilih oleh pengkaji untuk mengukur konsep yang terkait dengan persepsi, pandangan dan sikap, selain dari keterangan latar belakang Mohd Najib. Mohd Najib menyatakan bahawa bagi memperoleh data yang diperlukan seperti perasaan, kepercayaan dan sebagainya, penggunaan soal selidik adalah metode yang paling sesuai dijadikan sebagai alat pengukur kerana dapat mengumpulkan maklumat dengan cepat dalam penyelidikan.

HASIL DAN DISKUSI

Pada bahagian ini analisis data diperoleh melalui dapatan kajian yang melibatkan 175 responden pelajar tingkatan satu, dua dan tiga SMK Tok Dor Terengganu.

Taburan Demografi

Jadual di bawah menunjukkan taburan demografi responden yang terdiri daripada pelajar tingkatan satu, dua dan tiga SMK Tok Dor

Tabel 2: Taburan kekerapan responden

Item		N	Peratus
Jantina	Lelaki	93	53,1 %
	Perempuan	82	46,9 %
Umur	13	62	35.4%
	14	45	25.7 %
	15	68	38.9%
Tempat Tinggal	Bandar	15	8.6 %
	Luar Bandar	160	91,4 %

Jadual 2 di atas menunjukkan seramai 93 orang peserta kajian terdiri daripada pelajar lelaki dengan peratusan 53.1% daripada jumlah keseluruhan peserta kajian. Manakala, responden dari kalangan pelajar perempuan pula adalah seramai 82 orang dengan peratusan 46.9%. Seterusnya, pelajar yang berumur 13 tahun seramai 62 orang dengan peratusan 35.4%, seramai 45 orang responden dari kalangan pelajar yang berumur 14 tahun dengan peratusan 25.7%, selebihnya pelajar yang berumur 15 tahun seramai 68 orang dengan peratusan 38.9%. Sementara itu, pelajar yang tinggal di bandar seramai 15 orang dengan peratusan 8.6%, manakala pelajar yang tinggal di luar bandar pula seramai 160 orang iaitu 91.4%

Tabel 3. Tahap Pengetahuan Tentang Solat Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Tok Dor

Jadual 3: Tahap Pengetahuan tentang Solat

Bil.	Item	N	Min	Sisihan Piawai
1	Saya mengetahui definisi solat.	175	4.59	0.82
2	Solat ialah ungkapan dan perbuatan yang dimulai dengan takbir dan diakhiri dengan salam.	175	4.73	0.74
3	Saya mengetahui bahawa solat itu wajib bagi orang Islam	175	4.81	0.70
4	Suci daripada segala hadas merupakan salah satu syarat sah solat	175	4.61	0.90
5	Saya mengetahui bahawa membaca al-Fatihah termasuk rukun solat.	175	4.60	0.91
6	Tahiyat awal merupakan sunat ab'adh.	175	4.03	1.13
7	Saya mengetahui bahawa berpaling dada dengan sengaja dari arah kiblat membatalkan solat	175	3.96	1.37
8	Hukuman dan azab kepada mereka yang sengaja meninggalkan solat.	175	4.71	0.79
9	Saya mengetahui bahawa hukum tidak menunaikan solat ialah berdosa.	175	4.73	0.81
10	Saya mengetahui setiap Solat yang ditinggalkan dengan sengaja wajib diqada'.	175	4.54	0.90
Nilai keseluruhan			4.53	0.63

Jadual 3 menunjukkan gambaran pelajar terhadap tahap pengetahuan tentang solat. Nilai purata min keseluruhan bagi konstruk ini adalah tinggi iaitu 4.53 dengan nilai sisihan piawai 0.63. Nilai min paling tinggi bagi tahap pengetahuan tentang solat ini adalah item 3 “saya mengetahui bahawa solat itu wajib bagi orang Islam” iaitu 4.81 dengan nilai sisihan piawai 0.70. Ini menunjukkan bahawa majoriti responden mengenali rukun Islam dan mengetahui syarat wajib solat. Nilai kedua tertinggi iaitu item 2 dan 9 min 4.73 dengan nilai sisihan piawai 0.74 dengan kenyataan “Solat ialah ungkapan dan perbuatan yang dimulai dengan takbir dan diakhiri dengan salam”. Manakala item 9 dengan kenyataan “saya mengetahui bahawa hukum tidak menunaikan solat ialah berdosa” dengan nilai sisihan piawai 0.90. Nilai ketiga tertinggi merupakan item 4 iaitu “suci daripada segala hadas merupakan salah satu syarat sah solat” dengan nilai min 4.61 dan nilai sisihan piawai 0.90. Nilai min yang paling rendah adalah item 7 iaitu “saya mengetahui bahawa berpaling dada dengan sengaja dari arah kiblat membatalkan solat” 3.96 dengan sisihan piawai 1.37. Sementara itu, item yang lain berada pada tahap tinggi iaitu dari 4.03 sehingga min 4.5.

B. Tahap Pengamalan Solat Fardhu
Jadual 4: Tahap Pengamalan Solat Fardhu

Bil.	Item	N	Min	Sisihan Piawai
1	Saya sentiasa mendirikan solat di awal waktu.	175	4.02	0.96
2	Saya merasa tidak tenang apabila lewat menunaikan solat.	175	4.20	1.07
3	Saya merasa tenang ketika mendirikan solat.	175	4.74	0.67
4	Saya solat dalam keadaan khusyuk.	175	4.24	0.88
5	Saya menunaikan solat fardhu lima waktu sehari semalam.	175	4.51	0.80
6	Saya sentiasa solat berjemaah.	175	3.46	1.06
7	Saya pernah meninggalkan solat fardhu.	175	3.30	1.26
8	Saya menunaikan solat maghrib walaupun dalam keadaan sibuk.	175	4.33	0.91
9	Saya menunaikan solat isyak sebelum tidur.	175	4.43	0.93
10	Saya melaksanakan perkara sunat dalam solat.	175	4.09	1.00
Nilai keseluruhan			4.13	0.58

Jadual 4 menunjukkan gambaran pelajar terhadap tahap pengamalan solat fardhu. Nilai purata min keseluruhan bagi konstruk ini adalah tinggi iaitu 4.13 dengan nilai sisihan piawai 0.58. Nilai min paling tinggi bagi tahap pengamalan solat fardhu ini adalah item 3 “saya merasa tenang ketika mendirikan solat” iaitu 4.74 dengan nilai sisihan piawai 0.67. Ini menunjukkan majoriti pelajar SMK Tok Dor mengalami rasa tenang ketika mendirikan solat, mencerminkan pelaksanaan yang baik terhadap ibadah solat. Ini menunjukkan bahawa solat bukan sekadar amalan harian, tetapi satu bentuk hubungan yang spiritual yang mendalam dengan Allah SWT yang memberikan ketenangan dan ketenteraman jiwa.

Seterusnya, nilai kedua tertinggi iaitu min 4.51 dengan nilai sisihan piawai 0.80 item 5 dengan kenyataan “saya menunaikan solat fardhu lima waktu sehari semalam”. Nilai ketiga tertinggi merupakan item 9 iaitu “saya menunaikan solat isyak sebelum tidur” dengan nilai min 4.43 dan nilai sisihan piawai 0.93. Nilai min yang paling rendah adalah item 7 iaitu “saya pernah meninggalkan solat fardhu” 3.30 dengan sisihan piawai 1.26. Keputusan kajian mencerminkan bahawa masih terdapat sebahagian responden yang pernah mengabaikan kewajipan menunaikan solat fardhu. Sementara itu, item yang lain berada pada tahap sederhana hingga tinggi iaitu min 3.30 sehingga min 4.33.

D.Kesan Ibadah Solat terhadap Kepimpinan Diri
 Jadual 5: Tahap Kesan Solat Fardhu terhadap Tingkah Laku

Bil.	Item	N	Min	Sisihan Piawai
1	Solat mampu mengawal emosi dan fikiran secara positif.	175	4.50	0.79
2	Saya menjaga kebersihan diri dan persekitaran.	175	4.46	0.80
3	Saya menepati masa dengan melaksanakan tanggungjawab di awal waktu.	175	4.14	0.91
4	Saya dapat membezakan perkara yang lebih utama.	175	4.36	0.80
5	Saya mempunyai rutin harian yang teratur.	175	3.83	1.00
6	Saya memanfaatkan masa dengan aktiviti berfaedah.	175	4.09	0.91
7	Saya melaksanakan tugas dengan bersungguh- sungguh.	175	4.25	0.87
8	Saya rasa lebih yakin untuk memimpin atau membimbing orang lain selepas memperbaiki amalan solat.	175	4.28	0.84
9	Saya dapat membuat keputusan yang baik.	175	4.26	0.83
10	Solat membantu saya menjadi contoh yang baik kepada orang lain.	175	4.58	0.71
Nilai keseluruhan			4.27	0.60

Jadual 5 menunjukkan gambaran pelajar kesan ibadah terhadap kepimpinan diri. Nilai purata min keseluruhan bagi konstruk ini adalah tinggi iaitu 4.27 dengan nilai sisihan piawai 0.60. Nilai min paling tinggi bagi kesan ibadah terhadap kepimpinan diri adalah item 10 iaitu “solat membantu saya menjadi contoh yang baik kepada orang lain” iaitu 4.58 dengan nilai sisihan piawai 0.71. Ini menunjukkan bahawa pelajar dapat merasakan solat memainkan peranan yang penting dalam membentuk kepimpinan diri mereka, terutamanya dalam aspek menjadi contoh yang baik kepada orang lain. Manakala kedua tertinggi item 1 “solat mampu mengawal emosi dan fikiran secara positif” dengan nilai min 4.50 dan sisihan piawai 0.79. Seterusnya, nilai ketiga tertinggi iaitu min 4.46 dengan nilai sisihan piawai 0.80 iaitu item 2 dengan kenyataan “saya menjaga kebersihan diri dan persekitaran”. Nilai min yang paling rendah adalah item 5 iaitu “saya mempunyai rutin harian yang teratur” 3.83 dengan sisihan piawai 1.00. Sementara itu, item yang lain berada pada tahap tinggi iaitu min 3.83 sehingga min 4.36.

E.Hubungan Signifikan Di Antara Pengetahuan, Pengamalan Solat, Kesan terhadap Tingkah Laku dan Kesan terhadap Kepimpinan Diri Pelajar SMK Tok Dor

Jadual 7: Hubungan antara pemboleh ubah

Correlations		Pengetahuan Solat	Pengamalan Solat	Kesan terhadap Tingkah Laku	Kesan terhadap Kepimpinan Diri
Pengetahuan Solat	Pearson Correlation	1	.577**	.607**	.524**
	Sig. (2-tailed)		.000	.000	.000
	N	175	175	175	175
Pengamalan Solat	Pearson Correlation	.577**	1	.731**	.711**
	Sig. (2-tailed)	.000		.000	.000
	N	175	175	175	175
Kesan terhadap Tingkah Laku	Pearson Correlation	.607**	.731**	1	.855**
	Sig. (2-tailed)	.000	.000		.000
	N	175	175	175	175
Kesan terhadap Kepimpinan Diri	Pearson Correlation	.524**	.711**	.855**	1
	Sig. (2-tailed)	.000	.000	.000	
	N	175	175	175	175

** . Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).

Hasil daripada Analisis Korelasi Pearson yang dijalankan bagi menilai hubungan antara pengetahuan tentang solat, pengamalan solat fardhu, kesan ibadah terhadap akhlak dan kesan ibadah terhadap kepimpinan diri pelajar SMK Tok Dor, beberapa penemuan signifikan telah diperolehi. Berdasarkan Jadual 6, didapati bahawa terdapat hubungan yang kuat antara pengetahuan tentang solat dan pengamalan solat dengan nilai pekali korelasi $r = 0.58$, $P = 0.00$ ($p < 0.01$). Ini menunjukkan bahawa pelajar yang lebih memahami tentang solat cenderung untuk mengamalkan solat dengan lebih konsisten.

Selanjutnya, hubungan antara pengetahuan tentang solat dan kesan terhadap tingkah laku juga menunjukkan korelasi yang kuat dengan nilai $r = 0.61$, $P = 0.00$ ($p < 0.01$). Ini membuktikan bahawa terdapat perkaitan yang signifikan di antara pengetahuan tentang solat dengan kesan positif terhadap tingkah laku pelajar. Bukan itu sahaja, korelasi antara pengetahuan solat dan kesan terhadap kepimpinan diri pelajar juga didapati signifikan dengan nilai $r = 0.52$, $P = 0.00$ ($p < 0.01$), memperlihatkan hubungan yang kukuh antara kedua-dua pemboleh ubah ini.

Di samping itu, analisis terhadap pengamalan solat dan kesan terhadap tingkah laku mencatatkan nilai korelasi yang lebih tinggi, iaitu $r = 0.73$, $P = 0.00$ ($p < 0.01$). Ini menegaskan bahawa pengamalan solat yang konsisten memberi impak yang ketara terhadap pembentukan tingkah laku yang lebih baik. Selain

itu, korelasi antara pengamalan solat dan kesan terhadap kepimpinan diri turut menunjukkan kekuatan hubungan yang tinggi dengan nilai $r = 0.71$, $P = 0.00$ ($p < 0.01$). Ini menandakan bahawa pelajar yang mengamalkan solat dengan konsisten bukan sahaja dapat memperbaiki tingkah laku, malah dapat membentuk kepimpinan diri yang lebih mantap dalam kehidupan seharian mereka. Secara keseluruhan, kajian ini memperlihatkan perkaitan yang signifikan antara ibadah solat dengan kesan terhadap tingkah laku dan kepimpinan diri pelajar di SMK Tok Dor

Pembahasan

Tahap Pengetahuan Tentang Solat

Berdasarkan kepada dapatan daripada analisis yang telah dijalankan mendapati bahawa nilai purata min keseluruhan bagi konstruk ini adalah tinggi iaitu 4.53 dengan nilai sisihan piawai 0.63. Nilai min paling tinggi bagi konstruk tahap pengetahuan tentang solat adalah item 3 “saya mengetahui bahawa solat itu wajib bagi orang Islam” iaitu 4.81 dengan nilai sisihan piawai 0.70. Ini menunjukkan pelajar SMK Tok Dor mengenali rukun Islam dan mengetahui syarat wajib solat. Adalah wajar untuk menyatakan pelajar sekolah ini menunjukkan akhlak yang baik kerana mereka berpengetahuan dan mengamalkan ibadah solat dengan baik.

Selain itu, hasil penyelidikan yang dilakukan oleh Nadzri et al. bertajuk "Isu-Isu Pengabaian Solat dalam Kalangan Remaja di Negeri Selangor" menemui bahawa masih terdapat remaja yang mengabaikan solat lima waktu, walaupun mereka berasal dari sekolah aliran agama. Pandangan ini disokong oleh Mohd Mansor et al. yang dalam kajiannya menunjukkan bahawa tahap penghayatan solat dalam kalangan pelajar masih kurang memuaskan. Sewajarnya, ibadah yang wajib dan merupakan salah satu rukun utama dalam Islam ini tidak boleh diabaikan dan harus dilaksanakan dengan sempurna. Lebih mendukacitakan lagi, terdapat remaja dan pelajar yang mempunyai pengetahuan dan kefahaman tentang solat tetapi tetap tidak melaksanakannya .

Pendidikan solat merupakan bentuk pendidikan awal yang perlu diberi penekanan sebagai amalan bagi kanak-kanak Muslim sejak usia tujuh tahun, sebagaimana yang disarankan oleh Rasulullah SAW. Hal ini demikian kerana solat fardu merupakan tonggak dalam agama Islam. Solat fardhu juga termasuk dalam rukun Islam yang wajib dilaksanakan oleh setiap individu Islam yang memiliki kesihatan akal dan telah mencapai usia baligh (Siti Zaleha et al. Sharifah Nur. Pemahaman solat yang mendalam akan mempengaruhi sikap, peribadi dan kehidupan para pelajar. Oleh itu, rendahnya pemahaman solat sering dianggap sebagai punca kepada gejala keruntuhan akhlak dan masalah sosial yang melanda umat Islam masa kini.

Tahap Pengamalan Solat Fardhu

Berdasarkan kepada dapatan daripada analisis yang telah dijalankan mendapati bahawa nilai purata min keseluruhan bagi konstruk ini adalah tinggi iaitu 4.13 dengan nilai sisihan piawai 0.58. Nilai min paling tinggi bagi konstruk tahap pengamalan solat adalah item 3 “saya merasa tenang ketika mendirikan solat fardhu” iaitu 4.74 dengan nilai sisihan piawai 0.67. Ini menunjukkan majoriti pelajar SMK Tok Dor mengalami rasa tenang ketika solat, mencerminkan pelaksanaan yang baik terhadap ibadah solat. Ini juga menunjukkan bahawa solat bukan sekadar amalan harian, tetapi satu bentuk hubungan spiritual yang mendalam dengan Allah SWT, yang memberikan ketenangan dan ketenteraman jiwa. Sebagaimana firman Allah SWT dalam surah Ar-Ra’d ayat 28 yang bermaksud “Ketahuilah bahawa dengan mengingat Allah SWT, hati menjadi tenang”. Ayat ini menggambarkan betapa pentingnya solat sebagai penghubung secara langsung kepada Allah SWT, yang bukan hanya menenangkan hati, tetapi juga memupuk sifat sabar, tawakal dan ketulusan dalam kehidupan seharian pelajar.

Hasil penyelidikan yang dilakukan oleh Nadzri et al., (2018) bertajuk "Pendidikan Awal Solat dalam Kalangan Remaja di Negeri Selangor," menunjukkan bahawa pelaksanaan solat dalam kalangan remaja masih pada tahap yang sederhana dan ramai pelajar yang mengabaikan kewajipan solat lima waktu. Pandangan ini disokong oleh Mohd Nawi & Ab. Ghani (2021), dalam kajiannya menunjukkan bahawa lebih 50 peratus pelajar yang sentiasa mengabaikan solat fardhu lima waktu walaupun mereka menyedari akan kewajipan solat fardhu tersebut. Pendidikan solat merupakan bentuk pendidikan awal yang perlu diberi penekanan sebagai amalan bagi kanak-kanak Muslim bermula usia seawal tujuh tahun. Sebagaimana firman Allah SWT:

رَبِّ اجْعَلْنِي مُقِيمَ الصَّلَاةِ وَمِنْ ذُرِّيَّتِي ۚ رَبَّنَا وَتَقَبَّلْ دُعَاءِ

Maksudnya: "Ya Tuhanku! Jadikanlah aku dan anak cucuku orang-orang yang tetap mendirikan solat"
Wahai Tuhan kami, perkenankanlah doa permohonanku.

Berdasarkan ayat tersebut, dapat disimpulkan bahawa cara mendidik anak-anak agar taat kepada Allah SWT adalah melalui pelaksanaan perintah-Nya. Sebagaimana Luqman, mendidik anaknya agar melaksanakan solat dengan sempurna. Pelaksanaan ibadah solat merupakan tanda keperibadian sejati seorang muslim, sekaligus menjadi jambatan yang menghubungkan makhluk dengan Penciptanya tanpa perantaraan Abdulullah & Hamid. Solat yang dilakukan dengan sempurna dapat mencegah perbuatan maksiat, keji dan mungkar. Melalui solat juga, manusia dapat mendekatkan diri kepada Allah SWT dan bertaqarrub dengan-Nya Mat Ismail.

Kesan Ibadah Solat Terhadap Akhlak

Berpanduan kepada dapatan daripada analisis yang telah dijalankan mendapati bahawa nilai purata min keseluruhan bagi konstruk ini adalah tinggi iaitu 4.37 dengan nilai sisihan piawai 0.60. Nilai min paling tinggi bagi konstruk kesan ibadah solat terhadap akhlak adalah item 6 “saya sentiasa hormat ibu bapa/ guru-guru/ kawan-kawan” iaitu 4.65 dengan sisihan piawai 0.65. Ini menunjukkan bahawa akhlak yang ditunjukkan dalam kehidupan seharian oleh pelajar SMK Tok Dor kesan dari pelaksanaan amalan solat yang sempurna dan konsisten.

Ibadah solat adalah satu bentuk peribadatan yang sangat penting dan berperanan dalam membentuk perilaku seseorang. Keimanan seseorang akan semakin kuat dengan banyaknya amalan solat. Oleh itu, pelaksanaan solat dapat menjadi penghalang terhadap perbuatan yang mungkar dan tidak baik, sebagaimana dinyatakan dalam firman Allah SWT:

اِنَّ مَا اَوْحٰى بِكَ مِنَ الْكِتَابِ وَاَقَمَ الصَّلٰةَ ۚ اِنَّ الصَّلٰةَ تَنْهٰى عَنِ الْفَحْشَآءِ
وَالْمُنْكَرِ ۚ وَلَذِكْرِ اللّٰهِ اَكْثَرُ ۚ وَاللّٰهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُوْنَ

Maksudnya: Bacalah apa yang telah diwahyukan kepadamu, yaitu Al Kitab (Al Quran) dan dirikanlah shalat. Sesungguhnya shalat itu mencegah dari (perbuatan- perbuatan) keji dan mungkar. Dan sesungguhnya mengingat Allah (shalat) adalah lebih besar (keutamaannya dari ibadat- ibadat yang lain). Dan Allah mengetahui apa yang kamu kerjakan (Surah al-Ankabut: 45).

Bagaimanapun, peranan dan fungsi solat sebagai benteng melawan perbuatan maksiat dan kemungkaran semakin dilupakan sejak akhir-akhir ini. Hal ini terbukti melalui hasil kajian yang dilakukan oleh Bakar et al. dalam kajiannya bertajuk "Amalan Solat dan Implikasinya dalam Pembentukan Sahsiah Serta Nilai Taqwa dalam Diri Pelajar." Kajian tersebut mendapati bahawa keberhasilan pembentukan sahsiah pelajar di institusi pengajian tinggi dapat diukur melalui amalan solat mereka. Pandangan ini disokong oleh Mohamed yang dalam kajiannya menyatakan bahawa solat yang khusyuk mampu mencegah seseorang daripada melakukan perbuatan keji dan mungkar, serta memberikan ketenangan dan kedamaian dalam kehidupan. Justeru itu, sahsiah yang negatif mungkin timbul apabila amalan solat diabaikan dalam kehidupan seharian.

Kesan Ibadah Solat Terhadap Kepimpinan Diri

Berpanduan kepada dapatan daripada analisis yang telah dijalankan mendapati bahawa nilai purata min keseluruhan bagi konstruk ini adalah tinggi iaitu 4.27 dengan nilai sisihan piawai 0.60. Nilai min paling tinggi bagi konstruk kesan ibadah solat terhadap kepimpinan diri adalah item 10 “solat membantu saya menjadi contoh yang baik kepada orang lain” iaitu 4.58 dengan sisihan piawai 0.71. Ini menunjukkan bahawa solat memainkan peranan penting dalam membentuk ciri-ciri kepimpinan diri

yang positif dalam kalangan pelajar SMK Tok Dor. Pelajar yang mengamalkan solat dengan konsisten cenderung untuk menjadi contoh yang baik kepada orang di sekeliling mereka.

Penemuan ini seiring dengan tuntutan agama Islam yang menjadikan solat sebagai asas dalam pembentukan akhlak mulia dan kepimpinan diri yang berkesan. Firman Allah SWT dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45: “Sesungguhnya solat itu mencegah dari perbuatan keji dan mungkar.” Ayat ini menunjukkan bahawa solat bukan sekadar ibadah, tetapi dapat menjadi pendorong bagi pelaksanaan kebaikan dan menjauhkan diri daripada perkara yang buruk. Justeru, pelajar yang menjaga solat dengan baik berpotensi menjadi pemimpin, mempengaruhi rakan-rakan ke arah kebaikan dan menyumbang kepada suasana yang lebih harmoni serta berakhlak di sekolah.

Hasil penyelidikan yang dilakukan oleh bertajuk "Kesan Ibadah Solat terhadap Kepimpinan Diri Belia," menunjukkan bahawa belia memahami tanggungjawab dalam melaksanakan ibadah solat dengan baik, mempunyai kesedaran untuk mencegah diri daripada melakukan perkara-perkara yang menyalahi agama. Sabda Rasulullah SAW “Solat adalah tiang agama. Sesiapa yang mendirikanannya, dia menegakkan agamanya, dan sesiapa yang meninggalkannya, dia meruntuhkan agamanya”. Hadis ini menunjukkan bahawa solat memainkan peranan penting dalam mengukuhkan keimanan dan mengawal diri. Mereka yang konsisten dalam solat menunjukkan kesungguhan dalam mendisiplinkan diri merupakan satu ciri penting dalam kepimpinan diri.

KESIMPULAN

Solat, sebagai ibadah utama dalam Islam, memainkan peranan penting dalam pembentukan kepimpinan diri seseorang. Melalui pelaksanaan solat yang sempurna dan ikhlas, individu dapat mendidik diri untuk bersikap lebih disiplin, berintegriti dan bertanggungjawab. Amalan solat yang dilakukan dengan khusyuk bukan sahaja meningkatkan keimanan, tetapi juga membantu individu mengawal emosi dan membuat keputusan yang lebih bijaksana. Dalam konteks pelajar, solat mendidik mereka untuk mengurus masa, menumpukan perhatian pada matlamat dan berusaha menjadi lebih baik dari segi akhlak dan perilaku. Justeru, solat bukan sekadar ibadah, tetapi sebagai asas kepada pembinaan kepimpinan diri yang berkesan.

Hasil kajian ini membuktikan bahawa tahap akhlak yang baik dalam kalangan pelajar SMK Tok Dor berkait rapat dengan tahap pengetahuan dan pelaksanaan solat yang mantap, yang sekaligus mencerminkan kepimpinan diri yang baik. Kepimpinan diri ini dapat dilihat melalui disiplin dalam menunaikan solat, komitmen terhadap tanggungjawab ibadah dan kesungguhan mereka dalam membentuk akhlak yang positif. Walaupun tingkah laku dan kepimpinan diri pelajar SMK Tok Dor berada pada tahap yang baik, pemahaman dan pengamalan solat perlu sentiasa ditingkatkan agar kesan

positif tersebut berterusan. Ini penting untuk memastikan pelajar bukan hanya cemerlang dari segi tingkah laku, tetapi juga mampu mengekang diri daripada terjebak dalam gejala sosial yang negatif, yang sering kali timbul akibat kelemahan dalam mengawal diri.

Kerjasama antara pihak sekolah, ibu bapa dan masyarakat amat penting untuk memastikan pelajar terus komited terhadap solat sebagai satu bentuk latihan kepimpinan diri. Solat yang konsisten dan berkualiti akan membantu pelajar membentuk ketabahan, kesabaran, serta kebolehan mengurus diri dengan lebih baik. Dengan solat sebagai rutin harian, pelajar akan lebih berdaya untuk menguruskan masa, tanggungjawab dan emosi dengan baik, sekaligus memperkukuhkan sifat-sifat kepimpinan diri yang akan bermanfaat untuk masa depan mereka serta menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat secara keseluruhan.

REFERENSI

- Alawi Al-Maliki (2007). Mafahim Yajib An Tusahhah. Beirut: Dar al- Kutub al-Ilmiyah, no. 1234, vol. 1, pp. 45-50.
- J Abdullah, S., & Hamid, R. (2006). Pendidikan Aqidah Luqman Al- Hakim: Satu Analisis Dalam Konteks Pembangunan Modal Insan". Prosiding Seminar Tamadun Islam Tentang Pembangunan Modal Insan Peringkat Kebangsaan 2006, Universiti Malaya, 2006), 2(358).
- Ahmad, N. (2019). Pengalaman Solat Fardhu Dalam Kalangan Pelajar Pengurusan Dalam Islam Jabatan Perdagangan Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin,Perlis(PTSS). International Innovation In Teaching and Learning & Language Education Conference, 83–93.
- Bakar, R. A., Nordin, R., & Hashim, H. (2021). Amalan Solat dan Implikasinya dalam Pembentukan Sahsia Serta Nilai Taqwa dalam Diri Pelajar.
- Chua, Y.P. (2011). Kaedah dan Statistik Penyelidikan: Kaedah Penyelidikan. Shah Alam: McGraw-Hill, vol. 1, pp. 45-70.
- Al-Ghazali (1975), Ihya' Ulum al-Din (The Revival of the Religious Sciences), Cairo: Dar al-Kutub al-Hadithah, vol. 2, pp. 120-122.
- Ghazali Darusalam & Sufean Hussin (2018). Metodologi Penyelidikan dalam Pendidikan: Amalan dan Analisis Kajian. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, vol. 3, pp. 150-170.
- Hamzah, H., Abdullah, S. H. N., Zakaria, N. S., & Hassan, Z. (2024). Pembentukan Kepimpinan Diri Melalui Ibadah Solat dalam Kalangan Pelajar (The Development of Self-Leadership through Solat among Students). 8(1), 176–188.
- Hamzah, H., Zakaria, N. S., Rashed, Z. N., & Sabilan, S. (2022). Kesan Ibadah Solat Terhadap Kepimpinan Diri Belia. 16(1), 1–23.
- Hasan, A. S., Yahya, M. A., & Ibrahim, A. F. (2021). Implikasi Program Amali Solat Dalam Pembentukan Akhlak Pelajar: Kajian di Sekolah Menengah Daerah Alor Gajah, Melaka. 3, 149–178.
- Hasan Al-Banna, M. (2018). Islam dan Pembentukan Kepimpinan Berkualiti. ZULFAQAR International Journal of Defence Management, 1(1), 11–29. www.zulfaqar.upnm.edu.my
- Hasna Bidin. (2016). Pelaksanaan solat dalam kalangan pelajar muslim di Kolej Komuniti negeri Johor. <http://eprints.utm.my/id/eprint/60730/1/HasnaBidinMFGHT2016.pdf>
- Hasna Bidin, & Mohd Nazari Khalid. (2020). Kajian Pemahaman dan Pelaksanaan Ibadat Solat Fardu dalam Kalangan Pelajar di Kolej Komuniti Bandar Penawar dan Kolej Komuniti Cawangan Gelang Patah. E-Journal of Islamic Thought and Understanding, 2, 1–14.
- Ibn Kathir & Ibn Omar (1986). Tafsir al-Qur'an al-Azim. Cairo: Maktabah al-Iman, no. 789, vol. 4, pp. 250-275.

- Ibrahim, S. Z., Othman, N., & Yama, D. P. (2016). Penghayatan dan pelaksanaan solat berjemaah dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi islam. 2016(Irsyad), 490–506.
- Ismail, H., & Ali, A. N. M. (2021). Pelaksanaan Amalan Solat Fardu Berjemaah dalam Kalangan Pelajar Lelaki di Surau At-Taqwa, Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS).
- Mansor, S. K. M., Rahim, S. I. A., & Zainal, N. H. (2021). Kajian Tahap Penghayatan Solat Fardu dan Faktor Pelaksanaannya dalam Kalangan Mahasiswa UiTM Shah Alam. *Journal of Contemporary Islamic Studies*, 7(2), 80–98.
- Mat Ismail, A. R. (1994). *Roh Sembahyang*. Darul Nu'man: Kuala Lumpur.
- Mohamed, N. A. B. N. (2015). Solat dan Implikasinya Dalam Membentuk Akhlak Seseorang. October, 1–20
- Mohd Najib, A.G. (1997). *Kaedah Penyelidikan Sosial*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, vol. 1, pp. 100-120.
- Mohd Najib, A.G. (1999). *Penilaian Program: Pendekatan Teori dan Praktis*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, vol. 2, pp. 85-95.
- Mohd Yunus, M. (2015). *Pendekatan Dakwah di Malaysia: Kajian Terhadap Golongan Remaja*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, no. 567, vol. 2, pp. 120-135.
- Nadzri, S., Shamsudin, S. M., Rahman, S. S. A., Mokhtar, A. A., & Razali, A. R. M. (2018). Isu-Isu Pengabaian Solat dalam Kalangan Remaja di Negeri Selangor. 2018(December), 83–102.
- Nawi, A. M., & Ghani, S. A. (2021). Pelaksanaan Solat Fardhu Dalam Kalangan Pelajar Politeknik Hulu Terengganu. *International Conference And Mukhtar On Prophetic Sunnah*, 23012(Icmas), 291– 302.
- Nor, S. F. M. (2022). Kepimpinan Islam dalam Tadbir Urus Insan : Satu Tinjauan. *CIFER International Journal of Islamic Finance*, 1(June), 104–112.
- Sabiq, S. (1990). *Fiqh as-Sunnah*. Beirut: Dar al-Fikr, no. 321, vol. 1, pp. 150-165.
- Samad, M. Z. A., & Hamzah, M. I. (2020). Pengaruh Solat Fardhu di Dalam Pembentukan Akhlak Pelajar: Kajian di Sekolah Menengah Kebangsaan Lawas, Sarawak. 5(November), 1421–1427.
- Sharifah Nur Abu (2012). Pengamalan Solat Fardhu Dalam Kalangan pelajar Politeknik Kuching Sarawak. *International Seminar on Research in Islamic Studies II (ISRIS II)* on the 15th - 16th February, 2012 at Kuala Lumpur.
- Siti Zaleha Ibrahim, Norziah Othman, Dr. Phayilah Yama. (2016). Penghayatan dan pelaksanaan Solat Berjemaah dalam Kalangan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Islam. *International Conference on Aqidah, Dakwah and Syariah (IRSYAD)* 2016.
- Ibn Qayyim al-Jawziyyah (2006), *Madarij al-Salikin (The Stages of the Seekers)*, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, vol. 1, pp. 234-236.

- Al-Tabari (1969), *Jami' al-Bayan fi Ta'wil al-Qur'an (Tafsir al-Tabari)*, Cairo: Dar al-Ma'arif, vol. 1, pp. 45-47.
- Yaacob, M. & Syed Omar, S. (2019). *Pendekatan Dakwah Kontemporari di Malaysia*. Shah Alam: Penerbit Universiti Teknologi MARA, no. 456, vol. 3, pp. 200-220.
- Yaakub, M. Y., & Hamzah, M. I. M. (2020). Kepimpinan Distributif Pemimpin Sekolah: Isu Dan Cabaran. *Jurnal Pengurusan Dan Kepimpinan Pendidikan*, 33(1), 10–20.